



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### CITRA NUSA@MUZIUM: MAGIS BELANTARA PAMER KEPELBAGAIAN BUDAYA, SENI, WARISAN DAN SEJARAH MASYARAKAT ORANG ASLI

---

**KUALA LUMPUR**, 29 Oktober 2023 – Dalam usaha untuk menyemarakkan rasa muhibbah, menghormati silang budaya dan pemahaman secara nyata terhadap rona kepelbagaian khazanah budaya di Malaysia khususnya masyarakat Orang Asli, Kementerian Perpaduan Negara melalui Muzium Seni Kraf Orang Asli, Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan **Program Citra Nusa@Muzium : Magis Belantara**. Program telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azman Mohd. Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di Dataran Muzium, hari ini.

Program ini **berkonsepkan budaya yang dipentaskan (staged culture)** sebagai platform untuk memperkuuh wadah perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui khazanah warisan negara. Program ini menghimpunkan pelbagai suku kaum masyarakat Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia seperti Suku Kaum Semai, Mah Meri, Temiar dan Temuan.

Program Citra Nusa@Muzium: Magis Belantara ini berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 28 dan 29 Oktober 2023. Program ini dibahagikan kepada tiga segmen pengisian utama iaitu, Segmen Warisan, Segmen Sosio-Budaya dan Segmen Kesenian. Pelbagai pengisian aktiviti menarik telah diadakan seperti **persesembahan kebudayaan Orang Asli, demonstrasi, menyumpit, ukiran kayu, ukiran topeng, anyaman mengkuang, tempok dan bunga moyang**. Selain itu, program ini turut menampilkan gastronomika dan eksotika Orang Asli melalui reruai jualan. Pengunjung juga boleh merasai pengalaman menyumpit dan menguji minda dengan mencuba permainan kerchang.

YBhg. Datuk Azman berkata “Kerajaan menerusi Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa mengutamakan agenda untuk menjadikan muzium sebagai platform integrasi kaum, sesuai dengan fungsinya sebagai ‘guardian of heritage’ yang mengumpul, memelihara serta melestarikan koleksi warisan sejarah, seni dan budaya masyarakat berbilang kaum di negara ini.”

Ujar beliau, “Kementerian sentiasa memberi sokongan terhadap usaha Jabatan Muzium Malaysia dalam mengangkat serta **memartabatkan institusi permuziuman sebagai entiti yang memainkan peranan penting dalam pendidikan secara formal, tidak formal dan pembelajaran sepanjang hayat** tentang warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi Negara”.

Penganjuran program ini diharap dapat memantapkan peningkatan apresiasi terhadap warisan sejarah, seni dan budaya negara serta **meningkatan Indeks Perpaduan Nasional sekaligus mengurangkan defisit sosial** yang menjadi cabaran masa kini. Selain itu, program turut mampu mencapai objektif untuk **menyubur dan menyemarak nilai-nilai perpaduan dan semangat patriotisme menerusi penghayatan terhadap warisan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara.**

## Kementerian Perpaduan Negara

29 Oktober 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agenzia Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:-

Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 ( )